

17 AUG 1996

Tajuddin - pengganti

KETUA SIRIM BARU DI PANGGIL KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

SHAH ALAM, 17 Ogos (Bernama) -- Ketua baru Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) akan dikenali sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan bukan lagi Ketua Pengarah selaras dengan proses pengkorporatannya.

Demikian diberitahu oleh Ketua Pengarah SIRIM, Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali yang akan berhenti untuk menerajui Tenaga Nasional Berhad mulai 1 September ini.

Kata beliau orang yang akan menggantikannya itu akan diumumkan dengan rasmi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa lawatan rasmi beliau ke institut itu 23 Ogos ini.

"Saya merupa orang yang terakhir memegang jawatan Ketua Pengarah SIRIM kerana dengan proses pengkorporatannya, pengganti saya akan diberi jawatan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO)," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan Forum Perniagaan SIRIM-Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia di kompleks SIRIM di sini.

Tajuddin enggan memberitahu nama penggantinya itu tetapi berkata orang itu jauh lebih muda darinya.

Mengenai pencapaian SIRIM setakat ini, Tajuddin berkata institut itu telah mencapai banyak kejayaan terutamanya dalam mendapat pengiktirafan dunia terhadap sijil yang dikeluarkan olehnya seperti sijil MSISO 9000.

"Hasil dari ini Malaysia sekarang merupakan satu di antara bilangan kecil negara-negara membangun yang menjadi anggota Lembaga Pengurusan Teknikal Majlis ISO," kata beliau.

Tajuddin berkata pengiktirafan ini telah membantu industri-industri tempatan yang berdaftar dengan program bersijil ini mendapat pendedahan kepada pasaran antarabangsa dengan mudah.

Mengenai pengkorporatan SIRIM, beliau berkata 100 peratus kakitangan bawahannya bersetuju kekal dengan institut itu yang akan menjadi syarikat baru.

Hanya enam dari 450 pegawai penyelidik yang memilih untuk berhenti sementara 60 peratus pengurus kanan telah bersetuju untuk kekal, manakala yang lain diberi sehingga 24 Ogos ini untuk menyerahkan surat opsyen mereka

Mengenai rancangannya untuk TNB, Tajuddin berkata beliau berharap untuk mendapat sokongan kuat dari semua 23,000 kakitangan syarikat tenaga itu untuk membawa balik keyakinan mereka dan juga pengguna. -- BERNAMA

AKT WAT